

Rabu, 26 Jun 2019 | 7:46pm



Ain Arjuna (berdiri kiri) melayani tetamu yang berkunjung ke Majlis Sambutan Aidilfitri KPDNHEP Negeri Sembilan. - NSTP/Adzlan Sidek

## KPDNHEP Negeri Sembilan sita barangan RM1.29 juta

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi  
tuty@bh.com.my

**SEREMBAN:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan menyita barangan bernilai RM1.29 juta atas pelbagai kesalahan sepanjang enam bulan pertama tahun ini.

Pengarah KPDNHEP Negeri Sembilan, Ain Arjuna Aziz Zaman, berkata ia membabitkan 362 kes dan pemeriksaan terhadap 12,989 premis perniagaan di sekitar negeri ini.

Bagi tempoh sama juga, katanya, seramai 265 peniaga yang melanggar peruntukan undang-undang dikenakan kompaun berjumlah RM64,550.

"Kejayaan terbesar kita setakat ini adalah melumpuhkan sindiket barang tiruan dengan anggaran rampasan bernilai RM1.1 juta.



"Selain itu, kejayaan lain apabila pesalah bagi kes penipuan gores dan menang mengikut Akta Perlindungan Pengguna (APP) 1999 dihukum penjara 53 tahun," katanya selepas Majlis Sambutan Aidilfitri KPDNHEP Negeri Sembilan, di sini hari ini.

Katanya, sepanjang pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan 2019 sempena Aidilfitri baru-baru ini, sebanyak 17 kes membabitkan jumlah kompaun RM3,900 direkodkan.

"Antara kesalahan dikesan adalah tidak mempamerkan tanda harga, gagal menggunakan tanda harga merah jambu dan menjual barang terkawal lebih dari harga maksimum," katanya.

Beliau berkata, dalam usaha menjaga hak pengguna pihaknya berdepan pelbagai cabaran antaranya sindiket barangan tiruan, mengekang penyelewengan barangan bersubsidi dan memastikan kedudukan harga stabil.

"Kita berharap peniaga mematuhi segala undang-undang yang dikuatkuasakan oleh KPDNHEP dan mengalu-alukan aduan daripada pengguna melalui saluran disediakan," katanya.

